



Rawatan Ruqyah Singapura

“Bersatu Untuk Perjuangan Yang Sama... Insyallah...”

Cara Merawat Diri Sendiri Dari Gangguan Makhluk Halus

Oleh: Haji Saifulbahar

Rev 1 – 18 May 2013

Nota Siri Rawatan Mandiri

Kata Pembuka:

Nota Siri Rawatan Mandiri adalah nota nota ringkas yang disusun untuk mempermudah pesakit untuk merawat diri sendiri. Boleh diamalkan seharian atau bila bila masa lapang.

Untuk masalah yang lebih berat, sila mencari bantuan dari mana mana perawat Ruqyah.

Sekiranya ada pertanyaan, sila salurkan ke inbox facebook 'Rawatan Ruqyah Singapura'

“Sebaik baik orang yang meruqyah dirinya... adalah dirinya sendiri”

CARA MEMBUAT DETEKSI PADA DIRI SENDIRI (Menggunakan CD atau Audio Ayat Ayat Ruqyah)

Pilih waktu yang tenang dan jauh dari gangguan gangguan dirumah (seperti bising dari kanak kanak dan kenderaan).

- Duduk atau baring dengan mata pejam
- Mendengar CD keseluruhan tanpa mengikut bacaan
- Mendengar hingga selesai CD
 - Setakat mendengar sahaja. Jangan ikut bacaan di mulut, di hati dan jangan juga berzikir atau membaca apa apa ayat.
- Sekiranya sewaktu mendengar dapat merasa tanda tanda yang kurung selesa, artinya kemungkinan besar ada kehadiran/maslah gangguan.

CARA MERAWAT DIRI SENDIRI - (Selapas Solat Fardhu)

Pilih daripada salah satu solat fardhu dan menunaikannya dengan penuh. Mula dengan berniat seperti berikut:

"Sahaja aku meruqyahkan diriku sendiri kerana Allah SWT, mohon perlindungan Allah SWT daripada godaan godaan syaitan syaitan yang direjam, mohon perlindungan dan kesembuhan Allah SWT dari semua penyakit Jasmani dan Rohani"

Membaca (tidak perlu memejam mata):

- Al-Fatehah
- Al-Baqarah (Ayat 1-5)
- Al-Baqarah (Ayat 255)
- Al-Baqarah (Ayat 285-286)
- Al-Ikhlas
- Al-Falaq
- An-Naas

Sewaktu membaca Al-Ikhlas, Al-Falaq dan An-Naas, angkat tangan seperti membaca doa. Selesai bacaan, tiup didalam tapak tangan dan usapkan tangan kepada tubuh mula dari kepala ke muka hingga ke dada.

Sekiranya ada tempat yang sakit (seperti tangan, kaki dan lain lain), usapkan kepada tempat tersebut.

CARA MERAWAT DIRI SENDIRI (Menggunakan CD – Cara Pertama)

Pilih waktu yang tenang dan jauh dari gangguan gangguan dirumah (seperti bising dari kanak kanak dan kenderaan).

- Duduk atau baring dengan mata pejam
- Mendengar CD keseluruhan tanpa mengikut bacaan
- Mendengar hingga selesai CD

CARA MERAWAT DIRI SENDIRI (Menggunakan CD – Cara Kedua)

Pilih waktu yang tenang dan jauh dari gangguan gangguan dirumah (seperti bising dari kanak kanan dan kenderaan).

- Duduk atau baring dengan mata pejam.
- Mendengar CD tanpa mengikut bacaan
- Mendengar sehingga merasa gangguan dan menahan sehingga waktu yang tidak boleh ditahan lagi dan hentikan CD.
- Ulangkan keesokkannya dan memperhatikan jangka waktu CD sehingga disuruh yang mana

CARA MEMBUAT AIR RUQYAH SENDIRI

Ambil segelas (atau sebotol) air mutlat (air hidup seperti air paip, air mineral, spring water)

Letakkan bibir kepada pembukaan gelas atau botol dan membaca:

- Al-Fatehah
- Al-Baqarah (Ayat 1-5)
- Al-Baqarah (Ayat 255)
- Al-Baqarah (Ayat 285-286)
- Al-Ikhlash
- Al-Falaq
- An-Naas

Setelah selesai membaca, tiup (tiupan ringan) kepada air tersebut. Air ini boleh digunakan untuk minum, mandian dan juga renjesin rumah.

Untuk mendapatkan rawatan, sila hubungi:

Haji Saifulbahar: 82090262

Haji Abdul Aziz: 93217478

Facebook: Rawatan Ruqyah Singapura